

## Mukmin Sejati Mendapat Kemuliaan


Sebagai hamba Allah yang beriman dan bertauhid, hendaklah kita yakin, bahawa bagi mencapai kemuliaan yang sejati pada sisi Allah, tidak ada lain melainkan dengan menurut pertunjuk agama Allah, iaitu kita berlumba-lumba melakukan perbuatan terpuji pada sisi Allah. Tak boleh kita menganggap remeh dan sepi perintah-perintah Allah itu. Kerana yang demikian ini bererti kita melupakan hari Akhirat, dan menentang seksaannya. Dan kita melupakan bahawa Nabī Muḥammad ialah contoh yang utama bagi kita dalam mencari pertunjuk agama dan memberi pertunjuk jalan kebenaran manusia.

Pernah Nabi bersama kaum Muslimin di kampung<sup>1</sup> oleh musuh dari segala jurusan, terdiri dari segala golongan dan aliran, mereka menggunakan segala kekuatan, segala tipu jahat dan segala apa yang mereka anggap dapat menghapuskan dan melenyapkan Islam dan kaum Muslimin.

Terdengarlah di telinga kaum Muslimin bermacam-macam bisikan yang menakuti, mengacau fikiran dan mempengaruhi orang-orang Islam yang lemah. Terjadilah perpecahan di kalangan kaum Muslimin. Nampaklah ketika itu perbezaan yang nyata antara Muslim hakiki – Muslim tulen, dan Muslim geografi – Muslim gambaran. Adapun Muslim gambaran yang batinnya *nifāq* (perasaan yang menyebabkan dia menjadi munafik) apabila ia menghadapi kepungan musuh itu, timbulah takut dan ngeri, maka keluarlah kata kufur dari lidahnya, sebagaimana diterangkan dalam al-Qur’ān:

*Wa idh yaqūlū al-munāfiqūna wa alladhīnā fi qulūbihim marāduṇ*

*mā wa ‘adanā Allāhu wa rasūluhū illā ghurūrā. (al-Aḥzāb)*



Ertinya: ((Dan ingatlah tatkala berkata orang-orang yang munafik dan orang-orang yang di dalam hatinya ada penyakit syak, katanya: Tidaklah janji Allah dan rasul-Nya kepada kita melainkan bohong semata-mata.))

Demikianlah orang-orang Islam geografi, Islam gambaran, yang jiwanya kosong daripada keikhlasan beragama, mereka tak sanggup menghadapi ujian dan percubaan, tak dapat diharapkan bantuannya dan pembelaannya bagi mempertahankan Nabi dan kesucian agamanya. Mereka lekas menyerah, lekas putus asa, dan lekas memihak kepada musuh sebab mereka beragama itu bukan kerana keimanan tetapi kerana penghasilan.

Terhadap orang-orang yang lekas kufur ini, tak usah

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah dikepung.

kita bersusah hati, dan Nabi sendiri, telah diberikan peringatan oleh Tuhan terhadap mereka itu.

*Wa lā yaḥzunka alladhīna yusāri 'ūna fī al-kufri innahum lan yaḍurrū Allāha shay'a, yurīdu Allāhu allā yaj'ala lahum ḥaqḍan<sup>2</sup> fī al-ākhirati wa lahum 'adhābun 'azīm.* (Āl 'Imrān, 176).

Ertinya: ((Dan janganlah menjadikan susah hati engkau, oleh orang-orang yang bersegera menjadi kafir, kerana mereka itu tidak dapat menyusahkan Allah sedikit jua pun. Allah menghendaki supaya mereka tidak mendapat bahagian pada hari Akhirat kelak, dan adalah bagi mereka azab yang besar.))

Teranglah, bahawa orang yang segera menjadi kafir itu, tidak mustahak kita khuatirkan, kerana tindakannya

## Bacalah riwayat hidup **Khālid ibn al-Walīd**

(Oleh: Abdullah Basme)

Tiap-tiap baris dalam riwayat hidup perwira

Islam Khālid bin al-Walīd ini menggambarkan keberanian dan kebijaksanaannya tidak ada taranya!

Cetakan yang kedua ini berhias dengan gambar-gambar dari “Filem Khālid” yang pilihan.

Tebalnya kira-kira 150 muka dan harganya hanya \$1.50. Belanja mengirimnya 10 sen. Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**

tidak membahayakan agama Allah.

Tetapi yang amat penting kitajadikan contoh tauladan iaitu keteguhan hati Mukmin hakiki dalam menghadapi kepungan musuh itu, iman mereka kepada Allah semakin teguh, kepercayaan atas kebenaran agama Islam semakin bertambah. Maka dari jiwa dan hati yang penuh iman itu, keluarlah perkataan yang menggambarkan sifat kelakian mereka, dan mereka berani mati, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Allah di dalam al-Qur’ān:

*Wa lammā ra'ā al-mu'minūna al-aḥzāba qālū hādhā mā wa'adānā Allāhu wa rasūluhū wa sadaqa Allāhu wa rasūluhū wa mā zādahum illā īmānan wa taslīmā.* (al-Aḥzāb, 33<sup>3</sup>).

Ertinya: ((Dan tatkala orang-orang Mukmin melihat kepungan golongan orang-orang kafir, berkatalah mereka: Inilah apa yang dijanjikan oleh Allah dan rasul-Nya kepada kami dan sesungguhnya benarlah Allah dan rasul-Nya)), dan yang demikian itu tidak menambahkan mereka melainkan kepercayaan kepada janji Allah dan penyerahan kepada kekuasaan-Nya.))

Demikianlah orang-orang yang menjalankan pertunjuk Allah, diberi kemenangan dalam segala lapangan perjuangan hidupnya. Walau bagaimanapun juga besar tipu daya dan kepungan musuh, tidaklah menggentarkan hati mereka dan tidak menggoyangkan iman mereka. Kerana mereka yakin, bahawa kemuliaan yang sejati hanya berada di tangan Allah, dan diberikan-Nya kepada hamba-hambaNya yang taat dan menjalankan perintah agama-Nya. Mudah-mudahan Allah jadikan kita orang-orang Mukmin sejati. Amin.

(Dari buah kalam, *al-Ustadh Muhammad 'Ali al-Ḥamīdī*)



<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah *ḥazzan*

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah 22